

ORIGINAL ARTICLE



ANALISIS TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS MELAYU-ARAB DALAM NOVEL ‘AL-USTAZ’

AN ANALYSIS OF TRANSLATION MALAY-ARABIC PROPER NOUN IN ‘AL-USTAZ’ NOVEL

**Nor Huwaida Mohd Hasan ^{*1}, Taj Rijal Muhamad Romli ²
Muhammad Nuqman Basir ³**

¹ Seri Bintang Selatan Secondary School, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: huwaida@smksbs.edu.my

² Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: taj.rijal@fbk.upsi.edu.my

³ Department of Syariah and Law, Al-Azhar University, Kaherah, Egypt.

Email: nuqmanbasir@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/88>

Abstract

A noun is seen as an identity in identifying a certain something especially Proper Noun. Though it seems simple, the art of translating it into another language might be a tad complicated. Occasionally, there are also Proper Nouns that bring indirect meaning to the audience that will bring misinterpretation. Therefore, the purpose of this study is to analyse the root and square of how Proper Noun was translated into Arabic from the first edition of Al Ustaz novel by Sultan Ahmad Bin Abdur and Mujahid Mustafa Bahjat (2010). The structure of this study is qualitative with 25 out of 202 Proper Noun chosen as the study sample. The data is comprised into 5 types of Proper Noun in each category. In order to analyze the structure of the study, The Theory of Newmark (1994) will be conducted in pertaining the correct usage of Proper Noun in Malay-Arabic. The findings of the study shown that Proper Noun is commonly translated into literal meaning. Apart from that, there is also ambiguity in Proper Noun found in the translation. Eventually, this study is presumably to serve as a comprehensive guideline to the translator in grasping the issue of translating Proper Noun specifically in Malay to Arabic context. This study is expected to help in improving the skills of translation among the target audience.

Keyword: Translation analysis; Proper Noun; Arabic language

Abstrak

Kata nama dilihat sebagai satu identiti untuk mengenal sesuatu terutamanya kata nama khas. Proses menterjemah kata nama khas dilihat begitu mudah, namun ianya menjadi tugas yang agak rumit apabila perlu diterjemah ke dalam bahasa lain. Kata nama khas juga ada kalanya terkandung maklumat yang tidak dapat difahami secara langsung. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis bentuk-bentuk penterjemahan kata nama khas dalam terjemahan novel *al-Ustaz* oleh Sultan Ahmad bin Abdur dan Mujahid Mustafa Bahjat Edisi Pertama (2010) ke bahasa Arab. Reka bentuk kajian ini berbentuk data kualitatif dengan pemilihan 25 daripada 202 kata nama khas sebagai sampel kajian. Data diperincikan lagi kepada 5 jenis kata nama khas bagi setiap kategori. Teori Newmark (1994) digunakan sebagai kerangka kajian bagi menganalisis bentuk-bentuk penterjemahan dalam menentukan kesesuaian kata nama khas Melayu-Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bentuk terjemahan harfiah paling banyak berlaku dalam setiap terjemahan kata nama khas. Selain itu, penggunaan lebih daripada satu bentuk terjemahan turut berlaku. Kajian ini dijangka dapat memberi panduan dan kefahaman kepada penterjemah dalam menangani isu penterjemahan kata nama khas khususnya dalam teks Melayu-Arab. Diharapkan kajian seperti ini dapat memperbaiki ketepatan terjemahan dengan lebih tepat.

Kata Kunci: Analisis terjemahan; kata nama khas; bahasa Arab

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 8th May 2020, revised 30th May 2020, accepted 5th June 2020

Pengenalan

Hubungan antara bahasa dan penterjemahan bukanlah sesuatu yang janggal malah telah lama digunapakai dan dijadikan rujukan. Begitu juga dalam penterjemahan bahasa Arab. Bahasa Arab bukan sahaja bahasa yang berpengaruh, malah mempunyai keunikannya yang tersendiri. Sejarah membuktikan penggunaan bahasa Arab berkembang pesat sejajar penurunan al-Quran. Oleh itu, bahasa Arab secara tidak langsung menjadi bahasa perantaraan seluruh umat Islam di dunia (Abd. Rauf Hassan Azahari, 2004)¹.

Dunia hari ini menyedari kepentingan bahasa Arab bukan hanya sebagai bahasa pertuturan semata-mata tetapi kepentingannya dalam bidang penulisan juga. Penggunaannya yang meluas dari semasa ke semasa merancakkan lagi bidang penulisan bahasa Arab. Keperluan bahasa Arab tidak hanya terhad dan tertumpu kepada sejenis aspek sahaja malah mencakupi kesemua aspek seperti kosa kata, frasa, istilah dan kata nama khas itu sendiri.

Usaha menterjemah bahasa Melayu ke bahasa Arab tidak semudah yang disangka. Cabaran dan kesukaran pasti akan dihadapi oleh penterjemah dalam menghasilkan sebuah karya yang bermutu tinggi. Kajian-kajian yang lebih meluas perlu disokong terutamanya dalam memperbanyakkan data-data korpus terjemahan Melayu-Arab (Taj Rijal, 2015)². Kata nama khas membawa identiti tersendiri kerana setiap perkataan-perkataan yang diterjemah memperlihatkan

identiti sesuatu bangsa, sejarah dan budaya masyarakat. Seringkali kata nama khas dianggap suatu yang amat mudah untuk diterjemah. Namun ianya menjadi agak sukar apabila ingin diterjemah ke dalam bahasa lain. Ini disebabkan setiap bahasa mempunyai bunyi tertentu. Kesannya, apabila nama tersebut ingin diterjemah, bunyi terdekat perlu digunakan mengikut kesesuaian setiap bahasa tersebut (Finlay: 1971)³.

Kata Nama Khas Melayu-Arab

Penterjemahan daripada bahasa asing ke bahasa Melayu seperti Perancis, Cina, Thai, Arab telah banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik. Berbeza dengan penterjemahan bahasa Melayu ke bahasa Arab. Ijlal Saja, Maheram Ahmad & Suhaila Zailani (2017)⁴ membuktikan 34 kajian yang telah dijalankan berkaitan penterjemahan Melayu-Arab. Sehingga kini, aktiviti penterjemahan teks di dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab kurang diberi perhatian. Selain terdapat beberapa kekangan yang wujud, masalah ini harus dibendung bagi mengelakkan karya bahasa Arab menjadi kurang.

Menterjemah kata nama khas bukan isu yang remeh sebaliknya memerlukan proses membuat keputusan yang teliti dan memerlukan penterjemah untuk menyesuaikan fungsi kata nama khas dalam konteks bahasa sumber dan budaya. Adakalanya penterjemah berusaha untuk menghasilkan terjemahan yang serupa dengan teks asal, namun usaha ini tidak semestinya berjaya. Bagi mengelakkan kekurangan dalam terjemahan kata nama khas, penterjemah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengisi lompong-lompong tersebut.

Menurut Naimah Abdullah & Norhayuza Mohamad (2005)⁵, bunyi dan sebutan pada KNK perlu dikekalkan seboleh mungkin. Walaupun terdapat beberapa sebutan di dalam bahasa Melayu yang sukar dilafazkan oleh bangsa Arab tetapi penterjemah tidak boleh menggantikan bunyi tersebut dengan abjad lain sewenang-wenangnya sehingga merosakkan sebutan asal perkataan. Dari sudut ejaan pula, pemilihan bunyi terhadap huruf alternatif amat berbeza daripada bunyi sebutan perkataan asal seperti Chulan diterjemah Julan. Bagi KNK Tempat pula seperti Plaza, sesetengah perkataan diterjemah *Mujamma'* bermaksud Kompleks dan sebahagian lain dikekalkan *Blaza*. Ketidakselarasan penggunaan KNK yang paling ketara apabila melibatkan perkataan yang mengandungi huruf *nga* yang tidak terdapat dalam sebutan Arab. Ini menjurus kepada penggantian huruf *ghin* dan ada ketikanya huruf *kaf*. Bagi mengatasi masalah berikut, beliau mencadangkan mana-mana huruf Jawi yang tidak terdapat dalam abjad Arab seperti *nga, cha, pa dan ya* dipertimbangkan.

Nama tempat mempunyai gambaran budaya dan sejarah tersendiri. Budaya yang tersirat di sebalik nama tempat dapat menjelaskan peristiwa yang berlaku. Bagi cerita sastera dan sejarah, konotasi nama tempat tersirat perlulah dijelaskan dalam terjemahan sekiranya pembaca tidak mengetahui maklumat tersebut (Newmark, 1994)⁶. Disebabkan wujud makna tersirat pada terjemahan, penterjemah sepatutnya menambahkan penerangan bagi menunjukkan maklumat tersembunyi tersebut. Contohnya, بلاد ما بين النهرين iaitu Mesopotamia. Mesopotamia merupakan tamadun di negara Iraq dan terletak di antara dua sungai (النهرين). Mesej implisit yang mendasari KNK tidak diungkap iaitu Sungai Tigris dan Sungai Euphrates. Pemahaman yang signifikan terhadap KNK akan membantu pembaca memahami ujaran yang ingin disampaikan.

Terjemahan kata nama khas bahasa Melayu ataupun kata nam khas Arab mempunyai kaedah tersendiri untuk diterjemahkan. Berdasarkan apa yang telah dibincangkan, ini menunjukkan kata nama khas adalah terjemahan yang mempunyai tujuan untuk mengenalpasti sesuatu yang kurang jelas (Strawson 1975: 88 dalam Vermes, 2001)^{7,8}. Ketepatan terjemahan adalah berasaskan fakta melalui unsur bahasa dan budaya. Selari pandangan Newmark (1994)⁶ fakta dapat disampaikan melalui terjemahan bermula daripada kata nama khas, objek, tulisan rahsia dan angka. Justeru, fakta-fakta ini perlu merentasi bahasa dan budaya bagi memenuhi proses terjemahan yang lebih tepat.

Penterjemahan Dalam Novel *Al-Ustaz*

Kajian analisis terjemahan kata nama khas ini memfokuskan bahasa Arab sebagai bahasa sasaran. Kajian Noorsyuhada Salleh & Maheram Ahmad (2015)⁹ dalam *Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu ke Bahasa Arab* mendapati hanya 23 karya Melayu yang diterjemah ke dalam bahasa Arab berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2012 dan salah satunya ialah novel *al-Ustaz*. Walaubagaimanapun, kajian beliau tertumpu kepada kajian deskriptif.

Terdapat satu kajian yang memfokuskan terhadap novel *al-Ustaz*. Kajian oleh Rose Afidah (2017)¹⁰ yang bertajuk *Strategi Pengeksplicitan yang didorong Faktor Tatabahasa dalam Terjemahan Novel 'Ustaz' ke Bahasa Arab*. Perbahasan adalah mengenai pengeksplicitan. Latar belakang bahasa dan budaya bangsa Melayu dan Arab mempunyai jurang yang berbeza. Keadaan ini mendorong beliau menganalisis strategi pengeksplicitan yang didorong oleh faktor tatabahasa. Dalam tatabahasa, beliau turut menyentuh kata nama. Terdapat persamaan yang wujud antara kajian beliau dengan kajian pengkaji iaitu dari sudut kata nama. Walaubagaimanapun beliau tidak memecahkan kata nama sama ada kepada kata nama am ataupun kata nama khas. Oleh yang demikian, perbezaan ini adalah untuk memperlihatkan usaha pengkaji ke arah terjemahan kata nama khas. Hasil kajian mendapati golongan kata seperti *ism*, *fi'il* dan *harf* berlaku penambahan pada terjemahan.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk terjemahan kata nama khas yang digunakan dalam terjemahan novel *al-Ustaz*. Antara objektif utama yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Menenalpasti padanan kata nama khas Melayu yang diterjemah ke dalam kata nama khas bahasa Arab dalam novel *al-Ustaz*.
2. Menganalisis bentuk-bentuk penterjemahan kata nama khas Melayu-Arab yang terdapat dalam novel *al-Ustaz*.
3. Merumuskan kaedah penterjemahan kata nama khas Melayu dan kata nama khas Arab dalam novel *al-Ustaz*.


Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif. Kajian dekskriptif ialah satu kajian untuk membantu pengkaji memahami sesuatu proses melalui kata-kata atau gambar (Creswell, 1994)¹¹. Terdapat masalah-masalah tertentu yang memerlukan pengamatan yang teliti (Chua, 2006)¹² dan tidak boleh dirungkaikan dengan data numerik. Kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan kerana membantu pengkaji memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena yang berlaku (Merriam, 1998)¹³. Ini kerana setiap data yang diperolehi berupa kata-kata, gambar dan bukan angka (Moleong, 1989)¹⁴. Analisis deskriptif dilakukan dengan tiga peringkat iaitu dimulakan dengan menganalisis kata nama khas. Pendekatan analisis kata nama khas digunakan bagi mendapatkan data kata nama khas dengan lebih mendalam. Setelah itu pengkaji beralih kepada pemindahan maklumat iaitu dengan mencari padanan kata nama khas Melayu-Arab. Dan yang terakhir menentukan kaedah yang digunakan dalam penterjemahan kata nama khas. Setiap data serta maklumat yang diperolehi akan dianalisis bagi memenuhi objektif yang telah digariskan.

Novel *al-Ustaz* ialah karya sastera Melayu yang diterjemah oleh Sultan Ahmad bin Abdur dan Mujahid Mustafa Bahjat di dalam bahasa Arab. Penulis asal ialah Syed Othman bin Syed Omar atau lebih dikenali sebagai S. Othman Kelantan. Berkat kesungguhan dan minat yang ditonjolkan beliau dalam bidang penulisan kreatif, membuahkan hasil apabila beliau menerima Anugerah The S.E.A Write Award 1990 di The Oriental's Grand Ballroom, Bangkok, Thailand. Karya ini merupakan terbitan Citra Publishing Sdn. Bhd pada tahun 1991 dan merupakan satu-satunya cetakan yang ada. Beliau telah menterjemah pelbagai novel dan cerpen ke dalam bahasa asing seperti Perancis, Jepun Thailand, Cina, Inggeris, Vietnam dan Rusia sehingga berjaya mencipta nama sebagai sasterawan dan novelis terkemuka negara.

Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada bidang penterjemahan kata nama khas iaitu kata nama khas manusia/orang, kata nama khas jawatan/gelaran, kata nama khas tempat, kata nama khas institusi dan kata nama khas lain-lain. Kajian ini memilih 25 kata nama khas daripada 202 kata nama khas yang telah dikumpulkan sebagai sampel kajian. Daripada 25 kata nama khas tersebut, pengkaji memilih 5 kata nama khas daripada setiap kategori kata nama khas. Pengkaji memilih novel *Ustaz* karya S. Othman Kelantan bersama novel terjemahannya iaitu *al-Ustaz* oleh Sultan Ahmad bin Abdur dan Mujahid Mustafa Bahjat Edisi Pertama iaitu pada tahun 2010 sebagai bahan kajian.

Kata nama khas dianalisis dengan menggunakan Teori Penterjemahan Kata Nama Khas Newmark (1994)⁶ dalam menentukan kesesuaian kata nama khas Melayu-Arab berdasarkan elemen-elemen yang telah dikemukakan oeh teori tersebut. Pemilihan ini dilakukan kerana masih kurang kajian teks Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab berbanding dengan teks Arab ke dalam bahasa Melayu.



Gambarajah 1: Pembahagian Data Kata Nama Khas

Rajah 1 menunjukkan contoh pembahagian data kata nama khas. Pembahagian kata nama khas dibahagikan mengikut lima jenis kategori khas iaitu kata nama khas orang, tempat, istitusi/pertubuhan, jawatan/gelaran dan lain-lain. Paparan maklumat menunjukkan kata nama khas orang paling banyak digunakan dalam kajian iaitu sebanyak 35%. Maka dapat dirumuskan bahawa kata nama khas orang adalah komponen yang penting dalam struktur ayat walaupun ianya hanya sekadar nama. Contohnya Syekh Basit (الشيخ عبد الباسط). Ini menunjukkan penterjemah perlu memilih dan memberi perhatian untuk membentuk kata nama khas orang dengan lebih tepat.

Peratusan kedua tertinggi adalah kata nama khas tempat dan kata nama khas institusi/pertubuhan iaitu sebanyak 13%. Daripada peratusan ini, jelas bahawa kata nama khas tempat banyak digunakan dalam struktur ayat. Ini termasuklah nama negara, tempat rekreasi atau mana-mana tempat yang menerangkan sesuatu lokasi atau orang yang mendiami tempat tersebut. Contohnya Demit (داميت). Disebabkan bahasa Arab tiada bunyi *e*, ianya perlu digantikan dengan bunyi *alif*. Manakala kata nama khas institusi/pertubuhan pula seperti Al-Azhar (جامعة الأزهر). Adakah dengan tidak meletakkan terjemahan universiti, pembaca dapat membayangkan institusi tersebut adalah sebuah universiti berbeza dengan terjemahan Arab yang ditambah terjemahannya.

Kata nama khas jawatan/gelaran adalah 6% menjelaskan keadaan seseorang. Contohnya Putera Raja Bota (أمير). Pada keadaan ini, penterjemah tidak sepatutnya menterjemah secara umum kerana terjemahan asal membawa maksud yang khusus. Peratusan terendah adalah pada kata nama khas benda iaitu 4%. Kata nama khas ini kurang disebut, namun begitu sudah cukup jelas untuk menerangkan benda tidak hidup seperti model kereta, Volvo. Berdasarkan telitian yang telah dilakukan, tidak ditemui padanannya dalam bahasa Arab. Bagi kata nama khas lain-lain sebanyak 18% dan merupakan kata nama khas gabungan seperti arah, nama bulan, nama hari dan bangsa. Contohnya Baidah (العرب البائدة).

Secara keseluruhannya, didapati setiap daripada kategori kata nama khas menunjukkan padanan penterjemahan kata nama khas Melayu di dalam bahasa Arab. Namun begitu terdapat beberapa kata nama khas yang tidak diterjemah langsung seperti Seattle, Volvo, Nabi Ibrahim a.s. Masih lagi terdapat kekurangan-kekurangan yang perlu dibaiki mengenai terjemahan seperti

Selatan diterjemah الغرب. Oleh itu, keperluan terhadap penterjemahann KNK perlu diberi perhatian.

Analisis Dan Perbincangan

Analisis akan dijalankan terhadap data-data yang telah dikumpul mengikut bentuk-bentuk penterjemahan KNK yang telah dipilih. Setiap contoh data yang telah dikumpul oleh pengkaji akan dianalisis dan diletakkan dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 1

Contoh Jadual Analisis Data KNK

Kod	KNK BM	KNK BA	Bentuk Penterjemahan
KO1	Romeo dan Juliet	روميو جوليت	Terjemahan Harfiah
KO2	Mak Long dan Paklong	مألونج وفألونج	Terjemahan Harfiah

Kod dalam lajur pertama merujuk kepada data KNK yang telah dilabel dalam novel. Contohnya KO1 merujuk kepada KNK dengan bilangan data KNK yang telah dikumpul. Lajur kedua pula ialah KNK BM beserta terjemahannya KNK BA. Dan lajur yang terakhir merupakan bentuk penterjemahan KNK yang telah dianalisis.

Jadual 2

Kata Nama Khas Orang

Kod	KNK BM	KNK BA	Bentuk Penterjemahan
KO1	Romeo dan Juliet	روميو جوليت	Terjemahan Harfiah

Berdasarkan kepada terjemahan KO1, penterjemah menterjemahkan KNK tersebut kepada terjemahan harfiah. Jika dilihat, terjemahan روميو جوليت boleh mengelirukan pembaca kerana Romeo dan Juliet adalah dua orang yang berbeza. Terjemahan KNK di dalam bahasa Arab dengan tidak meletakkan kata penghubung و memungkinkan pembaca mengenali روميو جوليت adalah orang yang sama.

Jadual 3

Kata Nama Khas Jawatan/Gelaran

Kod	KNK BM	KNK BA	Bentuk Penterjemahan
KJ1	Ratu Kebaya	ملكة كبايا (نوع من الأزياء الملايوية التقليدية)	Terjemahan Harfiah + Maklumat Tambahan

Perkataan ملكة كبايا yang bermaksud Permaisuri Kebaya diterjemahkan kepada Ratu Kebaya dalam teks sasaran (Tsa). Penterjemah menggunakan terjemahan harfiah tetapi tidak mengekalkan Tsa dengan perkataan permaisuri kerana kelihatan janggal. Penterjemah memilih perkataan ratu bagi mencantikkan lagi ayat yang sedia ada. Namun begitu, struktur ayat masih membawa maksud

yang sama. Penterjemah beranggapan pembaca memerlukan maklumat tambahan mengenai kebaya. Disebabkan itu, ditambah نوع من الأزياء الملايوية التقليدية iaitu sejenis daripada perhiasan tradisional Melayu. Oleh itu, penterjemah menggunakan teknik terjemahan harfiah dan maklumat tambahan dalam teks semasa menterjemah Tsa.

Jadual 4

Kata Nama Khas Lain-lain

Kod	KNK BM	KNK BA	Bentuk Penterjemahan
KL4	Darjah Empat	الصف الرابع الابتدائي	Penambahan

Teknik terjemahan yang digunakan untuk KL4 ialah teknik terjemahan penambahan. Perkataan الصف الرابع الابتدائي ditambah selepas الصف الرابع. Ini menjadikan terjemahan sebagai الصف الرابع الابتدائي. Terjemahan ini ditambah bagi membezakan antara peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Untuk terjemahan bahasa Melayu, perbezaan tersebut sudah diketahui umum disebabkan maksudnya yang jelas kerana terdapat perkataan sebelum yang membezakannya. Misalnya ‘Darjah Empat’ bagi sekolah rendah manakala ‘Tingkatan Empat’ bagi sekolah menengah.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan terhadap kata nama khas Melayu-Arab dapat disimpulkan bahawa terjemahan yang paling banyak digunakan adalah terjemahan harfiah. Terdapat beberapa perkataan yang tidak selari menyebabkan perkataan yang diterjemah menjadi kabur dan kurang jelas. Lantaran itu, penterjemah mestilah memastikan perkataan yang diterjemah jelas dan sampai maknanya kepada pembaca.

Penggunaan lebih daripada satu bentuk terjemahan turut berlaku. Antaranya transkripsi dan pengguguran. Bentuk-bentuk penterjemahan ini mengambil kira latar belakang, sejarah dan budaya agar tidak lari jauh daripada teks sasaran. Selain itu, terdapat perbezaan kata nama khas Melayu dan kata nama khas Arab menyebabkan pembaca keliru selain terdapat beberapa kesalahan serta kecelaruan ejaan dalam novel *al-Ustaz*. Bertitik tolak daripada itu, kesalahan-kesalahan ini harus diperbaiki bagi mengelakkan kepincangan terhadap bahasa itu sendiri. Intihanya, terjemahan adalah satu proses berkesinambungan yang tidak akan pernah terhenti. Walaupun ianya dianggap sebagai kaedah lama namun ianya mampu memberi impak yang sangat besar dalam meningkatkan sesebuah tamadun.

Rujukan

1. Abd. Rauf Hassan Azahari. (2004). Sejarah dan Asal-usul Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarah. *Pertanika Journal of Social Sciences & ...*, 12(2), 135–141. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/3473/>
2. Taj Rijal & Muhamad Fauzi. (2015). Open Source Corpus as a Tool for Translation Training. *European Journal of Language and Literature Studies*. September-December 2015, Vol. 1, Issue 3, pp. 60-67.

3. Finlay, I. F. (1971). *Translating*. London: St Paul's House.
4. Ijlal Saja, Maheram Ahmad & Suhaila Zailani. (2017). Penterjemahan Karya Sastra Arab dan Melayu: Satu Tinjauan Literatur. *Prosiding Seminar Antarabangsa dan Pembelajaran Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab* (hlm. 98-110). Fakulti Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Naimah Abdullah & Norhayuza Mohamad (2005). Kualiti Terjemahan Info Bahasa Arab dalam Sektor Pelancongan: Antara Keghairahan, Realiti dan Implikasi. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10, 2005. Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu* (hlm. 366-376). Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
6. Newmark, P. (1994). Pendekatan Penterjemahan. (Zaiton Ab. Rahman & Zainab Ahmad, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Strawson, P.F. (1975). *Identifying Reference and Truth-Values*. Oxford: England.
8. Vermes, A. P. (2001). *Proper Names in Translation: A Relevance-Theoretic Analysis*. Disertasi Doktor Falsafah. Debrecen: Debreceni Egyetem.
9. Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2015). Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu ke Bahasa Arab. *Islamiyyat*, 37(2), 147–152. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Rose Afidah Md Taib & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2017). Strategi Pengekspelitan Yang Didorong Faktor Tatabahasa Dalam Terjemahan Novel 'Ustaz' ke Bahasa Arab. *Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017* (hlm. 956-970). Fakulti Bahasa dan Komunikasi: Universiti Sultan Zainal Abidin.
11. Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. United Kingdom: SAGE Publications.
12. Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
13. Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research & Case Study Applications in Education*. California: Jossey-Bass.
14. Lexy. J. Moleong (1989). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. (Tjun Surjaman, Ed.) Bandung: PT Remaja Rosdakarya.